



GARIS PANDUAN
PENGELUARAN TAULIAH MENGAJAR,
KEBENARAN BER CERAMAH DAN
MEMBACA KHUTBAH JUMAAT
DALAM NEGERI MELAKA

جَابِلْمُفْتِي نِگَرِي مِلَاك
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

KANDUNGAN

Tujuan

Latar Belakang

Kategori Tauliah Mengajar/Kebenaran

Tempoh Sah Tauliah Mengajar/Kebenaran

Prosedur Pengeluaran Tauliah Mengajar

Prosedur Pembaharuan Tauliah Mengajar

Prosedur Pengeluaran Kebenaran Berceramah (Penceramah Dalam Negara) Dan Membaca Khutbah

Prosedur Pengeluaran Kebenaran Penceramah Luar Negara

Kewajipan Pemegang Tauliah Mengajar Dan Penganjur Ceramah Atau Khutbah

Anggapan Menganjur

Pengecualian

Penutup

**GARIS PANDUAN PENGELUARAN TAULIAH MENGAJAR,
KEBENARAN BER CERAMAH DAN MEMBACA KHUTBAH JUMAAT
DALAM NEGERI MELAKA**

TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka dalam mengurus pengeluaran Tauliah Mengajar, Kebenaran Berceramah dan Membaca Khutbah di Negeri Melaka. Garis Panduan ini juga membantu mana-mana individu yang berhasrat untuk menjadi tenaga pengajar, penceramah, khatib (pembaca khutbah) atau penganjur bagi sesuatu pengajaran agama Islam di mana-mana institusi agama Islam, tempat atau premis dalam Negeri Melaka.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Mufti Negeri Melaka adalah institusi pelaksana atau Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Melaka yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan Tauliah Mengajar, Kebenaran Berceramah dan Membaca Khutbah di Negeri Melaka selaras dengan peruntukan Seksyen 106, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.
3. Manakala Jabatan Agama Islam Melaka pula berperanan sebagai institusi yang bertanggungjawab mengurus kebenaran dan menyelaraskan aktiviti Penceramah Luar Negara di Negeri Melaka.
4. Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Melaka mempunyai fungsi seperti yang berikut:
 - (a) untuk memberikan Tauliah Mengajar bagi maksud pengajaran agama Islam atau apa-apa perkara tentang agama Islam dan untuk menarik balik Tauliah Mengajar itu;
 - (b) untuk menentukan apa-apa terma, syarat dan sekatan bagi pengeluaran sesuatu Tauliah Mengajar;
 - (c) untuk memberikan arahan dan mengeluarkan apa-apa larangan atau perintah kepada mana-mana pemegang Tauliah Mengajar;
 - (d) untuk menasihati dan mengesyorkan kepada Majlis berkenaan dengan perkara berhubung dengan sesuatu Tauliah Mengajar;

- (e) untuk melaporkan dan meratifikasikan apa-apa tindakan yang sesuai yang akan diambil terhadap mana-mana pemegang Tauliah Mengajar oleh Majlis berhubung dengan perlakuan atau apa-apa pelanggaran yang dilakukan oleh pemegang Tauliah Mengajar;
- (f) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada apa-apa fungsi Jawatankuasa di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

5. Keanggotaan Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Melaka menurut Seksyen 106(3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 adalah terdiri daripada:

- (a) Mufti sebagai Pengerusi; dan
- (b) tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai.

KATEGORI TAULIAH MENGAJAR/KEBENARAN

6. Tauliah Mengajar/Kebenaran ini diberi kepada Pemohon atau Penganjur yang layak berdasarkan peruntukan Seksyen 106(3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 mengikut kategori yang berikut:

- (a) **Tauliah Mengajar Agama** terbahagi kepada dua kategori:
 - (i) **Kategori A:** Bagi seluruh Negeri Melaka; dan
 - (ii) **Kategori B:** Bagi daerah tertentu sahaja.
- (b) **Tauliah Mengajar Al-Quran** bagi seluruh Negeri Melaka.
- (c) **Kebenaran Berceramah** bagi tarikh, tempoh atau masa dan tempat tertentu sahaja.
- (d) **Kebenaran Membaca Khutbah** bagi tarikh, tempoh atau masa dan tempat tertentu sahaja.

TEMPOH SAH TAULIAH MENGAJAR/KEBENARAN

7. Setiap Tauliah Mengajar/Kebenaran mempunyai tempoh sah seperti yang berikut:

- (a) Tauliah Mengajar Agama dan Tauliah Mengajar Al-Quran sah dalam tempoh **tiga tahun** dari tarikh dikeluarkan dan berkuat kuasa di **tempat yang diluluskan** oleh Jawatankuasa.
- (b) Kebenaran Berceramah dan Membaca Khutbah hanya sah bagi **tarikh, tempoh atau masa dan tempat tertentu sahaja** berdasarkan permohonan pihak Penganjur.

8. Walau bagaimanapun, setiap Tauliah Mengajar, Kebenaran Berceramah atau Kebenaran Membaca Khutbah yang telah dikeluarkan boleh dibatalkan, digantung atau dipendekkan tempoh sahnya atas sebab-sebab tertentu oleh Jawatankuasa.

PROSEDUR PENGELUARAN TAULIAH MENGAJAR

9. Tiada seorangpun boleh diterima sebagai Pengajar atau dibenarkan menjalankan apa jua bentuk pengajaran, melainkan jika dia diberikan Tauliah Mengajar di bawah Seksyen 106(3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

10. Setiap individu layak memohon Tauliah Mengajar sekiranya memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) beragama Islam;
- (b) sihat tubuh badan dan sempurna akal;
- (c) mempunyai kelayakan pendidikan Islam sama ada:
 - (i) memegang suatu kelayakan pengajian tinggi Islam daripada universiti tempatan atau luar negeri yang diiktiraf oleh Majlis; atau
 - (ii) memegang suatu kelayakan pengajian tinggi Islam daripada mana-mana institusi pengajian Islam tempatan yang diiktiraf oleh Majlis; atau
 - (iii) berpengetahuan dalam Hukum Syarak; dan mempunyai pengetahuan agama Islam sekurang-kurangnya di peringkat Empat Sanawi atau yang setaraf dengannya atau di peringkat sijil yang diperakui oleh Jawatankuasa;
- (d) tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah; dan
- (e) telah mencapai umur 21 tahun.

11. Pemohon boleh mendapatkan **Borang Pemohonan Tauliah Mengajar** di Jabatan Mufti Negeri Melaka atau dimuat turun melalui laman sesawang www.muftimelaka.gov.my.

12. Borang yang lengkap berserta maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah diserahkan kepada pihak Urus Setia (Bahagian Fatwa dan Buhuth, Jabatan Mufti Negeri Melaka) untuk diproses.

13. Setiap Pemohon akan melalui ujian temuduga bagi mengenal pasti tahap kesesuaian untuk memiliki Tauliah Mengajar. Ujian temuduga ini dikendalikan oleh Panel Ujian Tauliah Mengajar yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka.

14. Fungsi Panel Ujian Tauliah Mengajar ialah:

- (a) untuk menjalankan suatu ujian kelayakan, sama ada secara bertulis atau secara lisan, terhadap mana-mana orang yang memohon untuk mendapatkan Tauliah Mengajar dan ujian kelayakan itu hendaklah dijalankan dalam tempoh yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa; dan
- (b) untuk mengesyorkan keputusan ujian kelayakan itu secara bertulis kepada Jawatankuasa.

15. Elemen pemarkahan bagi ujian temuduga merangkumi perkara-perkara yang berikut:

(a) Tauliah Mengajar Agama:

- (i) Tauhid : 20 markah
- (ii) Fiqah : 30 markah
- (iii) Tasawuf : 20 markah
- (iv) Tafsir al-Quran dan Hadis : 20 markah
- (v) Lain-lain : 10 markah

(b) Tauliah Mengajar Al-Quran:

- (i) Fasahah (Kelancaran) & Tajwid : 60 markah
- (ii) Akidah : 10 markah
- (iii) Ibadah : 10 markah
- (iv) Akhlak : 10 markah
- (v) Umum : 10 markah

16. Senarai nama pemohon yang telah ditemuduga akan diserahkan kepada pihak Jabatan Ketua Menteri Melaka atau Polis Diraja Malaysia bagi tujuan tapisan keselamatan.

17. Setelah maklum balas diterima, Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Melaka akan mengadakan mesyuarat bagi mempertimbangkan setiap permohonan dan membuat keputusan pemohon yang layak diberi Tauliah

Mengajar berserta kategori yang bersesuaian. Setiap keputusan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa adalah muktamad.

18. Pemohon yang berjaya akan diberikan Sijil Tauliah Mengajar berdasarkan kategori yang diluluskan oleh Jawatankuasa.

PROSEDUR PEMBAHARUAN TAULIAH MENGAJAR

19. Seseorang yang telah diberikan Tauliah Mengajar hendaklah mengemukakan **Borang Pembaharuan Tauliah Mengajar** bagi membaharui tempoh sah Tauliah Mengajar **tiga bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah tauliah** kepada pihak Urus Setia (Bahagian Fatwa dan Buhuth, Jabatan Mufti Negeri Melaka).

20. Jika permohonan itu dibuat selepas tarikh tamat tempoh sah Tauliah Mengajar, permohonan tersebut boleh terbatal dan dianggap sebagai suatu permohonan tauliah yang baharu.

PROSEDUR PENGELUARAN KEBENARAN BERCERAMAH (PENCERAMAH DALAM NEGARA) DAN MEMBACA KHUTBAH

21. Tiada seorangpun boleh diterima sebagai Penganjur atau dibenarkan menganjurkan apa jua bentuk pengajaran, melainkan jika dia diberikan Kebenaran di bawah Seksyen 106(3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

22. Penganjur hendaklah mengemukakan **permohonan bertulis** berserta maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan kepada pihak Urus Setia (Bahagian Fatwa dan Buhuth, Jabatan Mufti Negeri Melaka) untuk diproses.

23. Permohonan bertulis ini hendaklah dikemukakan dalam tempoh minimum **14 hari sebelum tarikh sesuatu cadangan aktiviti pengajaran** diadakan. Pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan yang dikemukakan kurang daripada tempoh minimum yang dinyatakan.

24. Senarai nama Penceramah yang dicadangkan oleh Penganjur akan diserahkan kepada pihak Jabatan Ketua Menteri Melaka atau Polis Diraja Malaysia (jika perlu) bagi tujuan tapisan keselamatan.

25. Setelah maklum balas diterima, pihak Jabatan Mufti Negeri Melaka akan mempertimbangkan setiap permohonan dan memaklumkan keputusan kepada Penganjur. Setiap keputusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka adalah muktamad.

PROSEDUR PENGELUARAN KEBENARAN PENCERAMAH LUAR NEGARA

26. Mana-mana orang yang berhasrat untuk menganjurkan apa-apa aktiviti pengajaran, ceramah, syarahan atau yang seumpamanya berhubung dengan agama Islam melibatkan Penceramah Luar Negara hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka.

27. Pemohon boleh mendapatkan **Borang Permohonan Kebenaran Penceramah Luar Negara** bersekali dengan **Borang Permohonan Untuk Menjadi Penganjur** di Jabatan Agama Islam Melaka.

28. Borang yang lengkap berserta maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah diserahkan kepada pihak Urus Setia (Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Melaka) dalam tempoh minimum **30 hari sebelum tarikh aktiviti itu diadakan**. Pihak Jabatan Agama Islam Melaka berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan yang dikemukakan kurang daripada tempoh minimum yang dinyatakan.

29. Senarai nama Penceramah yang dicadangkan oleh Penganjur akan diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia bagi tujuan tapisan keselamatan.

30. Setelah maklum balas diterima, pihak Jabatan Agama Islam Melaka akan mempertimbangkan setiap permohonan dan memaklumkan keputusan permohonan kepada Penganjur. Setiap keputusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Melaka adalah muktamad.

KEWAJIPAN PEMEGANG TAULIAH MENGAJAR DAN PENGANJUR CERAMAH ATAU KHUTBAH

31. Setiap Pemegang Tauliah Mengajar hendaklah mengajar mengikut jenis tauliah dan tempat yang ditentukan kepadanya sahaja oleh Jawatankuasa.

32. Setiap Pemegang Tauliah Mengajar dan Penganjur bersama Penceramah serta Khatib yang diundang adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) tidak menyebarkan fahaman atau ajaran yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (b) memberi keutamaan pengajaran mengikut Mazhab al-Syafi'i;
- (c) tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubung dengan kebesaran, kemuliaan, kedaulatan dan kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam Negeri;
- (d) tidak menyinggung perasaan mana-mana kaum, agama, adat resam

- dan budaya penduduk tempatan yang boleh membawa kepada ketegangan kaum dan agama;
- (e) tidak menghina perkara-perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab;
 - (f) tidak mempertikaikan fatwa sesuatu negeri atau mengeluarkan fatwa berdasarkan pendapat sendiri;
 - (g) tidak menyentuh isu-isu politik kepartian;
 - (h) tidak menyentuh secara langsung peribadi mana-mana individu;
 - (i) tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama;
 - (j) tidak sebarang aktiviti kutipan derma tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Melaka;
 - (k) khutbah yang dibaca hendaklah daripada teks yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Melaka;
 - (l) teks khutbah lain hendaklah mendapat kebenaran daripada Jabatan Agama Islam Melaka;
 - (m) teks khutbah hendaklah mengandungi bacaan doa bagi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan TYT Gabenor Negeri Melaka di samping doa-doa lain;
 - (n) khutbah hendaklah disampaikan dengan tertib, bersopan, berhemah serta menggunakan bahasa yang baik dan tidak menggunakan ungkapan atau perkataan yang cemar dan sia-sia; dan
 - (o) mematuhi dan tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa.

33. Mana-mana Pemegang Tauliah Mengajar dan Penganjur bersama Penceramah serta Khatib yang diundang hendaklah mengemukakan Tauliah Mengajar/Kebenaran Berceramah dan Membaca Khutbah jika dikehendaki oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis.

ANGGAPAN MENGANJUR

34. Mana-mana orang yang memiliki atau mempunyai kawalan ke atas premis di mana suatu aktiviti pengajaran, ceramah, syarahan atau yang seumpamanya berhubung dengan agama Islam diadakan hendaklah dianggap sebagai Penganjur.

35. Bagi premis yang dimiliki atau berada dalam kawasan sesuatu persatuan atau badan, walau dengan apa juga nama ia dikenali, setiap anggota jawatankuasa persatuan atau badan itu hendaklah dianggap sebagai Penganjur kecuali dia dapat membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menghalang sesuatu kesalahan dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

PENGECUALIAN

36. Majlis Agama Islam Melaka boleh atas budi bicaranya mengecualikan secara bertulis mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkelayakan daripada mematuhi kehendak-kehendak peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 ini dengan mengenakan apa-apa syarat ke atasnya.

PENUTUP

37. Semoga Garis Panduan yang disediakan ini dapat menjadi rujukan semua pihak dalam memastikan setiap aktiviti yang melibatkan pengajaran agama Islam, ceramah, syarahan, bacaan khutbah dan seumpamanya mematuhi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002. Kepatuhan terhadap Garis Panduan ini amat perlu demi memelihara keharmonian dan kesejahteraan semua pihak dalam kehidupan beragama di negara ini khususnya di Negeri Melaka.

38. Sebarang pertanyaan berkaitan Garis Panduan ini boleh dirujuk kepada pihak Urus Setia:

BAHAGIAN FATWA DAN BUHUTH JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

Aras 2, Imarah 'A', Pusat Islam Melaka,
75400 Bukit Palah, Melaka.

Telefon : 06-2847920/21
Faksimile : 06-2848144
E-mel : jkmmufti@gmail.com
Web : www.muftimelaka.gov.my